

06/10/1999

Anwar gagal halang Ariffin dengar kes

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini gagal dalam permohonannya menghalang Datuk Ariffin Jaka daripada terus mendengar kes liwatnya dengan alasan hakim itu pernah menjadi rakan kongsi Mirzan Mahathir, anak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ariffin berkata, disebabkan beliau sudah meletak jawatan sebagai pengarah dan melupuskan sahamnya dalam Dataprep Holdings Bhd sebelum dilantik sebagai hakim tujuh tahun lalu, persoalan bahawa beliau mungkin berat sebelah tidak timbul.

"Hanya kerana saya pernah ada kaitan dengan Mirzan (Mahathir), bolehkah itu dianggap oleh sesiapa saja yang berfikiran waras ada kemungkinan atau syak wasangka bahawa saya akan berat sebelah dalam mendengar kes ini?" katanya.

Peguam bela Anwar, Karpal Singh memohon supaya Ariffin digugurkan daripada mendengar kes itu kerana hakim itu mungkin berat sebelah kerana kaitannya dengan Mirzan.

Karpal juga mengemukakan senarai pemegang saham Dataprep yang menunjukkan Ariffin memegang 87,941 unit saham, manakala Mirzan menguasai 381,597 unit yang menjadikan beliau pemegang saham utama.

Ariffin berkata, Karpal memberi alasan beliau sepatutnya menjelaskan perkara itu sebelum kes itu bermula atau ketika beliau ditugaskan mendengar kes itu.

"Saya berpendapat, saya tidak perlu membuat penjelasan itu kerana saya tidak lagi mempunyai kepentingan dalam syarikat itu. Lagipun, bukan syarikat itu atau Mirzan yang dibicarakan," katanya.

Ariffin berkata, dakwaan Karpal kononnya Dr Mahathir mahu menyingkir Anwar tidak ada kaitan dengan kes itu.

"Anwar dipecat oleh Perdana Menteri sebagai anggota Kabinet dan sebagai anggota Umno, tidak bergantung kepada kes ini. Perdana Menteri melaksanakan bidang kuasa sebagai Perdana untuk memecat mana-mana anggota Kabinetnya, dan dalam soal pemecatan Anwar daripada Umno, ia adalah keputusan parti menerusi Majlis Tertingginya," katanya.

Sebelum itu, Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah memberitahu mahkamah bahawa Ariffin pernah menjadi ahli PAS dan jika mahu, pendakwa juga boleh memohon untuk menggugurkannya atas alasan sama pembela.

Ariffin mencelah: Saya menyertai PAS ketika itu kerana parti itu sebahagian daripada BN (Barisan Nasional). Bagaimanapun, PAS keluar BN sebelum pilihan raya umum bermula, jadi saya menjadi calon PAS menentang BN. Lagipun ketika itu susah betul masuk Umno, jadi saya masuk PAS. Selepas PAS jadi pembangkang saya jadi calon menentang calon Umno yang kuat pada 1978.

Mohtar berkata, pihak pendakwa tidak meragui bahawa Ariffin bersikap adil dalam perbicaraan itu kerana kes berkenaan tidak ada kaitan dengan hubungan hakim itu dan PAS masa lalu.

Katanya, walaupun Ariffin mempunyai kaitan dengan parti pembangkang itu, beliau tetap dilantik sebagai hakim, dan ini adalah contoh terbaik bahawa sesuatu lantikan itu tidak tertakluk kepada mereka yang berada dalam kem yang sama.

(END)